

06 SEP 1998

MEGAT TIDAK AKAN AMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP ANWAR

IPOH, 6 Sept (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata beliau tidak akan mengambil tindakan undang-undang terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Berikutan tindakan Anwar menyiarkan secara terbuka suratnya (Anwar) kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertarikh 25 Ogos, 1998 di dalam "websitenya" yang mencatat Megat Junid antara mereka yang terbabit dalam usaha untuk menjatuhkannya.

Megat Junid menganggap isu itu telah menjadi sejarah memandangkan beliau telahpun menjelaskan kedudukannya dengan Anwar dan Anwar telah menerima penjelasannya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Konvensyen Pemimpin Jualan Langsung Bumiputera Malaysia di sini hari ini.

Megat Junid berkata " Kami (Anwar dan Megat Junid) telah berbincang dengan terperinci bagi membuktikan saya tidak terlibat (dalam rancangan tersebut)."

"Malah Anwar dalam suratnya kepada Perdana Menteri turut menyatakan bahawa saya telah menafikan dakwaan tersebut, dan surat itu turut dikepilkan bersama surat Anwar kepada Perdana Menteri," katanya.

"Bagi saya, tidak ada lagi komen mengenai isu tersebut, dan tidak akan mengambil sebarang tindakan undang-undang...hati saya tidak sebusuk itu," katanya.

-- BERNAMA.

HK RI